

26 MAY 1996

Anwar-Sokongan

ANGGOTA UMNO PERLU ELAK PENGARUH GOLONGAN YANG MENGADU DUMBA

PULAU PINANG, 26 Mei (Bernama) -- Anggota Umno diingatkan supaya tidak membiarkan diri mereka dipengaruhi golongan yang cuba mengadu dumba supaya mereka tidak membulatkan sokongan terhadap kepimpinan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anuar Ibrahim berkata, anggota Umno tidak perlu memikirkan desas-desus dari kalangan yang bankrap dan tidak ada kekuatan serta sokongan rekod kerja dalam parti, tetapi menggunakan kekuatan politik adu dumba untuk memecahkan ketaatan anggota kepada kepimpinan Dr Mahathir.

"Perpaduan masih terlalu utama dalam parti dan ia menuntut disiplin untuk taat kepada kepimpinan, sebab itu sokongan terhadap kepimpinan Perdana Menteri perlu padu," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada Konvensyen Ulangtahun ke-50 Umno peringkat negeri di Kompleks Haji Bayan Lepas di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalannya Datuk Mohd Shariff Omar, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad.

Anwar, yang juga Timbalan Perdana Menteri, berkata anggota Umno Pulau Pinang perlu memastikan supaya politik adu dumba tidak berterusan dalam parti dan kerajaan.

Katanya Pulau Pinang perlu menjadi negeri pertama yang menetapkan pendirian untuk memberi sokongan yang bulat dan tidak mempertikaikan kepimpinan Dr Mahathir.

Beliau berkata perpaduan dalam parti penting kerana anggota parti perlu mengambil iktibar daripada sejarah yang berlaku apabila terjadinya perebutan kuasa di peringkat kepimpinan tertinggi pada tahun 1987 yang membawa kepada perpecahan parti.

"Kalau kita tidak belajar daripada sejarah mengenai apa yang berlaku kepada kita dahulu, kita akan cuba untuk mengulangnya dan golongan yang tidak belajar daripada sejarah sekali lagi akan terkutuk oleh perbuatan sejarah yang lampau.

"Kita juga jangan lupa bahawa ada pahit getir dalam perjuangan yang mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing kerana tidak semuanya beres dalam perjuangan Umno," kata beliau.

Beliau juga berkata pemimpin dan anggota Umno perlu mengajar generasi sekarang dan akan datang bukan hanya mengenai rentetan peristiwa yang berlaku dalam sejarah perjuangan Umno, tetapi lebih menekankan kepada pengajaran dan iktibar daripada setiap peristiwa yang berlaku.

Anwar berkata generasi masa kini dan akan datang perlu tahu bahawa perjuangan Umno bukan satu garis yang mudah yang tiada cubaan dan pancaroba serta unsur-unsur ketegangan.

Katanya, tujuan mendedahkan sejarah itu bukan bertujuan "menelanjarkannya" tetapi sejarah harus dipelajari supaya mereka tidak mengulangi kesilapan yang lepas.

Beliau berkata sempena sambutan Maal Hijrah, pemimpin dan anggota Umno perlu mengambil iktibar bahawa hijrah yang berlaku perlu ada perancangan dan persiapan, sokongan dengan maksud mengajar, didikan yang kuat di kalangan masyarakat supaya timbulnya keinsafan.

"Kita perlu ada tarbiyah dengan memperkukuhkan diri kerana jika prinsip tidak kuat, bagaimana kita akan menjadi payung kepada golongan bawahan,"

kata beliau.

Selain itu beliau juga menggesa pemimpin dan anggota Umno supaya mengambil contoh daripada hijrah dengan mengelakkan sikap tertutup kepada kaum lain kerana Umno dari awal lagi mengambil pendekatan yang sama iaitu tidak tertutup kepada kaum lain tetapi mengutamakan kerjasama.

Katanya, adalah mudah untuk meniupkan api perkauman di kalangan masyarakat, tetapi Umno memilih untuk maju bersama-sama kaum lain supaya tidak menimbulkan masalah kepada pembangunan negeri Pulau Pinang.

Beliau berkata sikap terbuka adalah perlu supaya orang Melayu tidak tersisih dalam pertumbuhan ekonomi utama Pulau Pinang dalam sektor industri, pelancongan, pendidikan dan latihan.

Anuar, yang mengulas mengenai penubuhan Kolej Wawasan Putera Pulau Pinang, sebuah kolej Bumiputera yang tabung penubuhannya dilancarkan pada konvensyen itu, berkata peluang pendidikan swasta yang ada di negeri ini untuk orang Melayu masih belum membanggakan.

Beliau berkata kolej itu akan menyediakan pendidikan dan latihan yang diperlukan dan bersesuaian dengan perkembangan ekonomi negara untuk mengangkat martabat orang Melayu supaya setanding dengan kaum lain.

Kolej itu yang akan dikendalikan oleh Yayasan Bumiputera Pulau Pinang akan turut memberi peluang kepada pelajar miskin dari kaum Cina dan India mengikuti pengajian dalam bidang teknikal dan latihan, kata beliau.

Katanya, ini bertujuan untuk memberi mesej yang positif kepada kaum lain untuk turut sama membantu semua kaum supaya mereka tidak merasa tersisih dalam perkembangan ekonomi yang semakin pesat.

-- BERNAMA

SA AKD